



RADIO TELEVISYEN MALAYSIA
JABATAN PENYIARAN MALAYSIA
KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
WISMA TV, ANGKASAPURI
50614 KUALA LUMPUR



Tel. : 03-22885333 (Talian Am)
Faks : 03-22847591
Laman Web : www.rtm.gov.my

No. Rujukan : RTM/UKK/600-2/1/7 (01)
Tarikh : 30 Mac 2018

Syarikat Pembekal Program TV yang berdaftar dengan KKMM

Tuan,

PEMBEKALAN PROGRAM TV LUAR NEGARA (*SYNDICATED*) BAGI SIARAN TV RTM TAHUN 2019

Saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian tuan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, RTM ingin mempelawa syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia untuk menghantar tawaran Program Luar Negara (*Syndicated*) bagi keperluan siaran bermula Januari hingga Disember 2019 di saluran TV RTM.

3. Pihak tuan diminta menghantar tawaran program berdasarkan dokumen kenyataan (*Need Statements*) yang diiklankan dalam laman web Kementerian Komunikasi Dan Multimedia Malaysia www.kkmm.gov.my dan Radio Televisyen Malaysia www.rtm.gov.my mengikut syarat-syarat seperti di Lampiran.

4. Kertas cadangan dan bahan prebiu hendaklah dihantar kepada pihak urus setia seperti butiran berikut :-

Tarikh Penghantaran : 08 hingga 09 Mei 2018
Waktu : 9.30 pagi hingga 5.00 Petang
Tempat : Balai Perdana, Tingkat G, Wisma TV
50614 Angkasapuri, Kuala Lumpur

5. Kerjasama dan keprihatinan tuan terlebih dahulu diucapkan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' ABU BAKAR AB RAHIM)
Ketua Pengarah Penyiaran
Jabatan Penyiaran Malaysia